KESALAHAN FRASA KERJA

A) Penggunaan frasa kerja aktif tak transitif

Kata kerja tak transitif berapitan ber…kan tidak boleh diikuti oleh kata sendi nama kerana akhiran -kan sudah merupakan singkatan kata sendi nama akan yang dapat mewakili kata sendi nama yang lain seperti pada,dengan,dan tentang.

BIL	AYAT	BETUL/SALAH
1	Cincinnya bertatahkan akan permata.	
2	Cincinnya bertatahkan permata.	
3	Berbekalkan pada semangat yang ada, dia meneruskan hidupnya	
4	Berbekalkan semangat yang ada dia meneruskan hidupnya.	

B) Penggunaan frasa kerja aktif transitif

Frasa kerja aktif transitif tidak perlu disisipkan dengan kata lain antara kata kerja berkenaan dengan kata nama yang mengikutinya.

BIL	AYAT	BETUL/ SALAH
1	Pihak ibu bapa sudah *mengetahui tentang* perkara itu.	
2	Penduduk kampung akan *mengetengahkan tentang* cadangan itu kepada pihak atasan.	
3	Pihak ibu bapa sudah *mengetahui* hal itu.	
4	Penduduk kampung akan *mengetengahkan* cadangan itu kepada pihak atasan.	

C) Penggunaan kata kerja pasif

Frasa kerja pasif ialah kata kerja yang berfungsi sebagai predikat dalam ayat pasif.Frasa kerja pasif diri pertama dan diri kedua perlu diletakkan di hadapan kata kerja tanpa imbuhan *awalan di-*.

BIL	AYAT	BETUL/ SALAH
1	Majalah itu sudah *dibaca oleh saya*.	
2	Majalah itu sudah *saya baca.*	
3	Masalah itu perlu *diselesaikan oleh anda*.	
4	Masalah itu perlu *anda selesaikan*.	
5	Surat itu *dibaca oleh kami?*	
6	Lauk itu dimasak oleh ibu.	

LIVEWORKSHEETS